

# Chun terima Anugerah Pingat Emas Canselor

UB 01.04.2022 P.08

Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Graduan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul sebagai penerima Anugerah Pingat Emas Canselor pada Majlis Konvokesyen UMS ke-22.

Chun How Yin, 25, meraih himpunan purata nilai gred (CGPA) 3.92 dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dengan Kepujian Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Pengurusan Kewangan dan Perbankan).

Menurutnya, kunci utama kejayaan beliau adalah sentiasa berfikiran positif dalam semua aspek.

“Sekiranya mempunyai masalah jangan kita pandang dari sudut negatif, kerana ia akan merumitkan lagi keadaan.

“Apabila kita berfikiran positif, hidup kita akan menjadi lebih tenang dan hati

akan berasa lapang. Oleh itu, ia akan memudahkan kita belajar dengan lebih kondusif dan berfikiran terbuka,” katanya.

Beliau berkata dia kini bekerja sebagai Pengurus Akaun Jualan di salah sebuah syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang.

“Sebelum ini, saya juga pernah bekerja sambilan di sebuah bank sebagai akauntan.

“Matlamat pertama saya ialah untuk membalas jasa dan memberi keselesaan kepada kedua orang tua.

“Bagi saya keluarga adalah segalanya dan merupakan tulang belakang dari dahulu sehingga kini,” tambahnya.

Untuk rekod, Majlis Konvokesyen UMS ke-22 berlangsung selama enam hari sehingga 31 Mac 2022 melibatkan 4,728 graduan yang tamat pengajian pada tahun 2020.



**PINGAT EMAS:** Chun bersama skrol Ijazah dan pingat emas canselor.